

U B301 AAB  
MAHATHIR - MELAYU

BANGI, 1 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN BANGSA MELAYU SUPAYA TIDAK LAGI MEMBUANG MASA BERTIKAM LIDAH DAN BERPOLEMIC KERANA NEGARA TELAH SAMPAI KE TITIK PERALIHAN YANG MEMERLUKAN MEREKA MEREbut SEGALA PELUANG UNTUK MAJU KE HADAPAN BERSAMA KAUM LAIN.

SEGALA PRASARANA INTELEK SUDAH ADA PADA BANGSA MELAYU DAN YANG HANYA DIPERLUKAN KINI IALAH PENGGUNAAN DENGAN CARA YANG BOLEH MENDATANGKAN HASIL, KATA PERDANA MENTERI.

SEMASA MERASMIKAN KONGRES DUA HARI CENDIKIAWAN MALAYU II DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DI SINI, BELIAU MENASIHATI MEREKA UNTUK TERUS MENYOKONG DASAR EKONOMI BARU (DEB) DAN MEREbut PELUANG-PELUANG YANG ADA.

KATANYA, KINI TELAH WUJUD TANDA-TANDA MALAYSIA BERADA DI TITIK PERALIHAN DAN TAHAP PEMBANGUNAN NEGARA AKAN TERUS MENINGKAT. OLEH ITU PELUANG-PELUANG DEB HARUS DIREbut UNTUK MEMASTIKAN BANGSA MELAYU TIDAK +KETINGGALAN+ DAN TERCICIR BUAT SELAMA-LAMANYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA BANGSA MELAYU TIDAK BERNIAT MEREbut HAK ORANG LAIN TETAPI BERHAK KEPADA HAK MEREKA SENDIRI.

+OLEH ITU AMATLAH MALANG JIKA CENDIKIAWAN YANG MERAHAI PELUANG DARIPADA DEB BERPALING TADAH KONONNYA ADA SEGELINTIR ORANG MELAYU YANG KAYA DAN MENGECEM DEB BERSAMA-SAMA DENGAN PIHAK LAIN YANG INGINKAN SUPAYA ORANG MELAYU KEKAL DENGAN KEMUNDURAN MEREKA,+ KATANYA. -- LAGI

1325MST 01 07 89

U B302 AAB  
MAHATHIR - MELAYU 2 BANGI

PERDANA MENTERI BERKATA SIKAP SEDEMIKIAN SEBENARNYA MEMBANTU MENJAYAKAN HASRAT PIHAK YANG BENAR-BENAR MENGETAHUI BAHAWA HANYA ORANG MELAYU SAHAJA YANG BOLEH MENGGAGALKAN USAHA BANGSA MEREKA SENDIRI.

+GHAIRAH DENGAN EMOSI YANG DIBANGKITKAN, MEREKA LUPA BAHAWA JIKA PADA HARI INI TERDAPAT RAMAI CENDIKIAWAN MELAYU, SEBABNYA IALAH ADANYA DEB,+ JELAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENARIK PERHATIAN KEPADA SIKAP SESUATU BANGSA YANG KERAP MENYEBUT TENTANG KEGEMILANGAN DI ZAMAN SILAM UNTUK MENINGKATKAN SEMANGAT.

SEBENARNYA BANGSA YANG BERGANTUNG KEPADA KEJAYAAN DI ZAMAN SILAM ADALAH BANGSA YANG SUDAH MUNDUR DI ZAMAN INI. KEJAYAAN DAHULU HANYA BERGUNA UNTUK MEYAKINKAN DIRI AKAN KEBOLEHAN DIRI SENDIRI DAN BUKAN UNTUK MENYEDAPKAN HATI, KATANYA.

BAGI BANGSA MELAYU, TEGAS BELIAU, FALSAFAH DAN TINDAKAN ALA HANG TUAH DAN HANG JEBAT TIDAK SESUAI LAGI.

+MEREKA, TERUTAMANYA CERDIK-PANDAI, HARUS MENGETAHUI APAKAH YANG MEREKA INGINKAN UNTUK BANGSA MEREKA DAN LEBIH PENTING LAGI APAKAH YANG HARUS MEREKA LAKUKAN UNTUK MENJAYAKAN HASRAT ITU KERANA KHAYALAN DAN BERMEGAH-MEGAH DENGAN ZAMAN DAHULU TIDAK BOLEH DIBIARKAN MELENYAPKAN KENYATAAN MASA KINI,+ TEGASNYA. -- LAGI  
1328MST 01 07 89

D460

U B305 AAB  
MAHATHIR - MELAYU 3 BANGI

PERDANA MENTERI MENINGGATKAN BANGSA MELAYU BAHAWA MEREKA HARUS SANGGUP KE MANA SAHAJA TANPA MENGIRA IKLIM ATAU BANGSA DALAM USAHA MEMPERKAYAKAN ILMU DI KALANGAN MEREKA.

BELIAU PERCAYA UNTUK MENGUASAI ILMU YANG BERMANFAAT KEPADA SESUATU BANGSA; MEREKA HENDAKLAH SANGGUP BELAJAR WALAUPUN DARIPADA MUSUH SENDIRI KERANA KESANGGUPAN BELAJAR TANPA MENGIRA PUNCA AMATLAH PENTING.

+TIDAK KURANG PENTINGNYA IALAH KESANGGUPAN MEMPELAJARI BAHASA-BAHASA LAIN SUPAYA ILMU YANG BERGUNA DAPAT DIPELAJARI MELALUI BAHASA-BAHASA INI. SENTIMEN YANG MENGHALANG MEREKA MEMPELAJARI BAHASA-BAHASA ASING TIDAK SECOCOK DENGAN KEWUJUDAN CENDIKIAWAN MELAYU,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA BANGSA YANG BENAR-BENAR BERJAYA DALAM SEJARAH MANUSIA IALAH BANGSA YANG CEKAP MENGGUNAKAN ILMU UNTUK MEMPERBAIKI KEHIDUPAN MEREKA DAN MEREKA YANG BERJAYA MEMPERALAT ATAU MENGGUNAKAN ILMU SECARA PRAKTIKAL.

DI KALANGAN ORANG MELAYU; KATANYA; IJAZAH PRAKTIKAL INI MASIH BERKURANGAN JUSTERU ITU BOLEH DIKATAKAN BANGSA MELAYU MASIH KEKURANGAN CERDIK PANDAI DARIPADA SUDUT INI. -- LAGI  
1403MST 01 07 89

D461

U B306 AAB  
MAHATHIR - MELAYU 4 BANGI

DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM KATA-KATA ALUAN PADA BUKU CENDERAMATA KONGRES ITU TURUT MENEKANKAN BAHAWA MASYARAKAT MELAYU MASIH LAGI JAUH KETINGGALAN DALAM BIDANG-BIDANG PELAJARAN DAN EKONOMI.

WALAUPUN MEREKA TELAH MENCAPAI BANYAK KEJAYAAN HASIL DARIPADA USAHA-USAHA YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MEMPERBAIKI TARAF HIDUP MEREKA; NAMUN MEREKA TIDAK SEHARUSNYA BERPUAS HATI DENGAN KEJAYAAN TERSEBUT; KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN; GOLONGAN CENDIKIAWAN MELAYU BOLEH MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMAJUKAN BANGSA MELAYU DENGAN KESEDIAAN UNTUK TAMPIL KE HADAPAN BAGI MEMBERI BUAH FIKIRAN SERTA SUMBANGAN TERHADAP USAHA-USAHA MEMAJUKAN LAGI MASYARAKAT MELAYU.

KONGRES YANG BERTEMAKAN +MEMASUKI DASAWARSA 90-AN+ ITU MENUMPUKAN PERHATIAN DAN PERBINCANGAN KEPADA ISU-ISU POLITIK, EKONOMI DAN PENDIDIKAN BERKAITAN MASA DEPAN BANGSA MELAYU.

ANTARANYA IALAH PIDATO UMUM BEKAS YANG DIPERTUA HAMIM; DATUK MOHAMED ASRI MUDA MENGENAI +SENARIO POLITIK ORANG MELAYU: DULU DAN SEKARANG+; KERTAS KERJA +KEMISKINAN DI MALAYSIA+; +MEMBINA KEPERIBADIAN KEBANGSAAN MELALUI DASAR BAHASA KEBANGSAAN+; +PERSEDIAAN PEMIMPIN MELAYU UNTUK KEPERLUAN MASA DEPAN+; +PENDIDIKAN KE ARAH TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN+ SERTA FORUM +EKONOMI BUMIPUTERA DALAM DASAWARSA 90-AN+ -- BERNAMA  
1406MST 01 07 89